

KSBM DIGUNA PAKAI DI INSTITUSI KPM TAHUN DEPAN - MASZLEE

Bernama News | Berita Dalam Negeri | 23/10/2018 | Author: SYAMSIAH SAHAT | Others

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) yang bertujuan mengukur tahap kompetensi penggunaan bahasa Melayu akan diguna pakai di semua institusi bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bermula tahun depan.

Menteri Pendidikan Dr Maszlee Malik berkata KSBM yang akan dikeluarkan bersama manual panduan penggunaan itu juga akan dijadikan rujukan semua institusi di negara ini termasuk di luar negara yang menawarkan program bahasa Melayu.

"Kita juga akan pastikan standard dan manual ini digunakan di semua kementerian lain bagi memberi panduan tahap penggunaan bahasa Melayu yang sesuai," katanya kepada pemberita selepas menutup Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) 2018 di Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu dekat sini hari ini.

Menurut Maszlee, KSBM yang menyamai 'Common European Framework of Reference For Languages' (CEFRL) itu mempunyai enam tahap mengukur kecekapan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan penutur.

Katanya sebelum ini tidak ada instrumen yang boleh mengukur tahap kompetensi bahasa Melayu sedangkan bahasa itu merupakan bahasa kelima mempunyai jumlah penutur teramai di dunia.

KSBM yang diusahakan menerusi Inisiatif Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu itu juga diwujudkan bagi menyeragamkan penggunaan bahasa Melayu penutur di negara ini.

Mengulas mengenai BBK, Maszlee berkata pelbagai aktiviti yang bertujuan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah bermula sejak 16 Ogos lalu.

"Program BBK akan terus dirangka dengan lebih kreatif dan kita akan memastikan ia disambut dengan lebih meriah serta mendapat perhatian lebih banyak pihak," katanya.

Di majlis sama, beliau turut menyampaikan Anugerah Penghargaan Akademik Bahasa Melayu kepada pensyarah Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Dr S. Vijayaletchumy.

Anugerah tahunan itu diberikan kepada ahli akademik yang berwibawa dalam pelbagai disiplin ilmu bagi memartabatkan penggunaan bahasa Melayu.

-- BERNAMA

SYASA NH NM